

Orientasi Pelaksanaan Dasar Malaysia Madani Dari Perspektif Pelajar IPTA

Malike Brahim^{1*}, Muhamad Nasrul Nizar Abd Rahman², Musliza Mohamad³

^{1, 2} Unit Kajian Kepimpinan Madani, Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia

³ Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

*Corresponding author's email: malike@uum.edu.my

Abstrak: Dasar Malaysia Madani (DMM) yang dilancarkan pada 19 Januari 2023 telah menyediakan pelbagai pakej dalam bentuk kemudahan dan bantuan kepada kumpulan sasaran selain matlamat ke arah peningkatan ekonomi dan prestasi kewangan negara. Artikel ini membincangkan orientasi pelaksanaan DMM dari perspektif pelajar institusi pengajian tinggi (IPTA) yang menerima secara langsung manfaat daripada pelaksanaan DMM. Sehubungan itu, kajian tinjauan telah dijalankan terhadap pelajar IPTA di utara bagi menilai pelaksanaan DMM. Tumpuan kajian kepada aspek-aspek seperti: (i) pemahaman terhadap konsep Madani; (ii) tujuan dan objektif DMM; dan (iii) kesan dan penilaian mahasiswa terhadap DMM. Tinjauan dijalankan menggunakan soal selidik berbentuk Google Form—berkongsi pautan dan QR Code—untuk mendapatkan maklum balas daripada responden yang dipilih secara rawak. Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar IPTA memahami dengan jelas konsep dan objektif pelaksanaan DMM menerusi enam teras utama iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Secara majoritinya responden yakin bahawa kesan pelaksanaan DMM mampu membina masa hadapan pelajar IPTA yang lebih baik pada masa hadapan berdasarkan pakej dan strategi yang sedang dan dalam proses perancangan kerajaan. Justeru, menerusi pelbagai program berbentuk bantuan yang disediakan kepada pelajar, majoriti responden percaya kesan pelaksanaan DMM dapat mempengaruhi sokongan pelajar kepada Kerajaan Perpaduan.

Kata Kunci: *Dasar Malaysia Madani, IPTA, Kerajaan Perpaduan, Pelajar.*

1.0 PENGENALAN

Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim telah melancarkan Dasar Malaysia MADANI (DMM) pada 19 Januari 2023 sebagai dasar reformasi kerajaan untuk membangunkan Malaysia pasca pilihan raya umum (PRU) ke-15. DMM suatu pendekatan ke arah perbaiki prestasi ekonomi dan kewangan sangat kritikal pasca Pandemik COVID-19. Naratif DMM terarah kepada keperluan dan penekanan terhadap kehidupan masyarakat di Malaysia termasuk masyarakat kampus.

Setelah menjangkau dua tahun setengah DMM dilancarkan, bermula April 2024, satu kajian telah dijalankan berkaitan penerimaan dan kesan DMM dari perspektif pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu kumpulan yang menerima kesan langsung daripada pelaksanaan DMM. Justeru, hasil (*outcomes*) daripada pelaksanaan DMM boleh berbentuk sokongan atau sebaliknya dalam PRU-16 nanti kepada Kerajaan Perpaduan.

Seimbas Lalu Dasar Malaysia MADANI

DMM merupakan suatu langkah bersepadu dan holistik untuk menjadikan segala dasar dan pelaksanaannya di Malaysia lebih manusiawi yang sentiasa ditambah baik menerusi musyawarah dan maklum balas rakyat. MADANI merupakan sintesis gaya Malaysia yang menggabungkan jalin amalan sedia ada dengan kaedah baharu yang direka untuk menangani isu-isu baharu dan ketidakpastian. DMM diilhamkan berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan dengan mengambil kira saranan segenap lapisan masyarakat dengan hasrat pemulihan melalui reformasi substantif demi Malaysia yang lebih maju dan makmur.

DMM dengan misinya iaitu “matlamat kita adalah untuk mengubah Malaysia menjadi negara yang lebih makmur dan maju berteraskan enam (6) nilai MADANI melalui kepercayaan antara kerajaan dengan rakyat, dasar ketelusan dan kerjasama.” Sementara itu, visi DMM iaitu

“mencorak masa hadapan Malaysia dengan segala potensi yang ada dengan mengambil kira segala bentuk perubahan yang mengubah dunia, dan bercita-cita mengemudi Malaysia dalam zaman pasca normal yang serba rumit melalui laras bahasa, konsep dan budaya kearifan tempatan.”

Seiringan dengan misi dan visi DMM di atas, pelajar IPTA perlu mencabar diri sendiri dalam menyelami DMM yang menjadi pegangan Kerajaan Perpaduan. Mereka perlu menghayati konsep yang dibawa menerusi DMM sebaik mungkin memandangkan ia menekankan nilai yang baik untuk sayang menyayangi dan hormat menghormati antara satu sama lain. Dalam pada itu, pelajar IPTA boleh bersama-sama bagi menjayakan DMM ke arah membina masa hadapan Malaysia yang gemilang. Jadi, dalam esei ini berusaha membincangkan dapatan awal kajian berkenaan orientasi pelaksanaan DMM dari perspektif pelajar IPTA di wilayah utara melibatkan negeri Kedah dan Perlis.

Permasalahan Kajian

Seiringan dengan visi dan naratif MADANI: kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, nilai hormat, keyakinan, dan ihsan sebagai agenda membina masa depan yang MADANI buat Malaysia – sebagai asas kepada kajian yang dijalankan. Penerimaan pelajar IPTA terhadap DMM adalah petunjuk penting ke arah menilai pola sokongan mereka kepada Kerajaan Perpaduan dalam PRU-16. Mereka adalah kumpulan pengundi yang turut menerima pelbagai inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Perpaduan seperti ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.




Rajah 1: Inisiatif-inisiatif MADANI

(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia, 2023)

Disebabkan DMM itu dasar kerajaan, maka orientasinya perlu dinilai dari perspektif dasar awam. DMM adalah suatu perancangan dalam mengatur susun masyarakat yang beradab (*civilised*) merangkumi dimensi pemikiran, kerohanian dan material dengan menyemaikan nilai-nilai murni seperti semangat kekeluargaan dan perpaduan. Elemen-elemen ini begitu signifikan dalam kehidupan pelajar IPTA demi masa hadapan negara.


Justeru, pencapaian matlamat di atas dapat dinilai menerusi penekanan utama dalam kerangka DMM itu sendiri yang melibatkan lapan (8) aspek, iaitu: (i) ekonomi dan kewangan; (ii) perundangan; (iii) institusi; (iv) pendidikan; (v) kemasyarakatan; (vi) kebudayaan; (vii) bandar; dan (viii) luar bandar. Secara umumnya, kerangka DMM dapat diteliti secara mendalam seperti ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah. Tidak dinafikan dalam pelaksanaan

DMM pasti wujud pelbagai cabaran. Oleh itu, penetapan sasaran dasar yang berorientasikan masa hadapan amat penting ke arah mewujudkan masyarakat yang MADANI, maju, terampil dan terangkum sebagai keutamaan kepada Kerajaan Perpaduan. Dengan kata lain, kesan positif DMM khususnya melibatkan kumpulan pelajar IPTA boleh mempengaruhi sokongan mereka terhadap Kerajaan Perpaduan dalam PRU-6.



Rajah 2: Elemen Pembentukan Dasar MADANI
(Sumber: Anwar Ibrahim, 2022)

Dari persepektif dasar awam, pelaksanaan DMM perlu mengambil kira beberapa aspek seperti: (i) input yang melibatkan darjah permintaan dan trend sokongan rakyat atau pengundi – dalam konteks pelajar IPTA; (ii) proses pembuatan keputusan dan tindakan yang melibatkan sistem politik dan jentera kerajaan; (iii) *output* (hasil), *outcomes* (kesan), maklum balas; dan (iv) persekitaran sebagai teras dalam Teori Sistem Politik (TSP) seperti ditunjukkan dalam Rajah 3 di bawah.



Rajah 3: Teori Sistem Politik: Dari Input Kepada Output
(Sumber: Dye, 2011 & Lester & Stewart, Jr. 2000)

Pelaksanaan DMM boleh mendatangkan kesan – positif dan negatif – yang boleh mempengaruhi pola sokongan rakyat termasuk pelajar IPTA kepada Kerajaan Perpaduan. Justeru, jika DMM gagal mencapai matlamatnya, ia boleh memberi kesan besar kepada sistem politik itu sendiri – Kerajaan Perpaduan – menjelang PRU-16 kelak. Juga dikhuatiri apabila DMM banyak memberi kesan negatif, rakyat boleh melancarkan mogok, protes, demonstrasi dan melakukan gerakan reformasi terhadap Kerajaan Perpaduan.

Selain beberapa inisiatif seperti dalam Rajah 1 di atas, DMM ada empat (4) teras strategik merangkumi aspek seperti: (i) membina semula ekonomi; (ii) menjamin kesejahteraan insan; (iii) reformasi institusi demokrasi dan perundangan; dan (iv) mewujudkan pentadbiran beramanah. Atas sebab itu, orientasi penerimaan pelajar IPTA terhadap DMM tidak boleh dipandang ringan. Kegagalan dalam menangani isu-isu berkaitan kehidupan masyarakat kampus boleh menjejaskan sokongan terhadap Kerajaan Perpaduan dalam PRU-16 nanti.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Beberapa kajian lepas berkaitan dengan dasar awam yang boleh dijadikan asas dalam penelitian dari segi konseptual, teoritikal dan kerangka analisis kajian. Tauran (2009) misalnya telah menjalankan kajian berkaitan pengaruh politik dalam proses pembentukan dasar belanjawan pendidikan antara tahun 1999 hingga 2002 di Indonesia. Analisis kajian mendapati wujudnya dasar belanjawan pendidikan dalam perubahan perlembagaan antara tahun 1999-2002 hasil daripada sebuah momentum percantuman tiga aliran iaitu aliran pertama berkenaan permasalahan pembiayaan pendidikan; aliran kedua iaitu idea penambahan belanjawan pendidikan yang dibawa masuk ke dalam arena perubahan perlembagaan dengan menggunakan hujah pengalaman dan kejayaan negara lain dalam mengelola bidang pendidikan; dan aliran ketiga iaitu aliran politik. Di sini perubahan perlembagaan berlaku kesan reformasi dan wujudnya ahli-ahli baru dalam Majlis Permesyuaratan Rakyat yang memiliki perspektif baru terhadap isu belanjawan pendidikan.

Kajian Tauran mendapati percantuman ketiga-tiga aliran dan wujudnya persetujuan politik dalam kalangan penggubal dasar menyokong cadangan dasar belanjawan pendidikan minimum sebanyak 20% daripada belanjawan negara. Hasil kajian ini memberikan beberapa implikasi: (i) memperkuat idea bahawa wujudnya sesuatu dasar itu tidak selalunya melalui proses yang berturutan dan rasional; (ii) untuk kejayaan sesuatu dasar mesti ada aktor yang berkemampuan dan memilih hujah-hujah yang sesuai dengan keadaan politik semasa.

Malike, Mohamad Zaki dan Musliza (2018) telah mengkaji tentang kepelbagaian tuntutan rakyat kepada kerajaan. Kajian dijalankan bertujuan mengenal pasti tuntutan dan keperluan rakyat sebelum digubal menjadi dasar awam. Namun, tidak semua tuntutan dapat dipenuhi kerana ia perlu mengambil kira keutamaan dan sumber. Analisis kajian mendapati prioriti tuntutan rakyat dibahagikan kepada keperluan pendidikan, perumahan, pertanian, penternakan, keselamatan, kemudahan, keagamaan dan isirumah.

Untuk penyelesaian isu-isu tersebut, kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar demi keperluan rakyat. Analisis dilakukan menggunakan Teori Sistem Politik (TSP). Dalam TSP, tuntutan rakyat adalah *input* yang perlu diproses oleh sistem politik (kerajaan) sebelum ditukar menjadi *output* atau hasil. Hasil itu adalah dasar yang berbentuk projek, program dan rancangan yang memberi kesan atau *outcomes* secara langsung ke atas kehidupan rakyat sama ada mereka berpuas hati atau sebaliknya. Atas sebab itu, maklum balas daripada rakyat amat penting kepada kerajaan bagi meningkatkan mutu setiap dasar yang dilaksanakan.

Manakala, Malike et al. (2023) telah menjalankan kajian tentang penerimaan pengundi Kedah terhadap DMM bersempena berlangsungnya pilihan raya negeri (PRN) bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah pada 12 Ogos 2023. DMM telah dilaksanakan sebagai suatu pendekatan bagi menyelamatkan negara ketika prestasi ekonomi dan kewangan negara sangat kritikal pasca pandemik COVID-19. DMM dipercayai dapat menstruktur semula ekonomi negara dan menyediakan peluang kehidupan yang lebih baik kepada rakyat secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, keupayaan Kerajaan Perpaduan bagi menjayakan agenda DMM sangat mencabar. Cabaran itu bukan sahaja melibatkan soal ekonomi dan kewangan, tetapi sokongan politik.


Analisis kajian menunjukkan kecenderungan sokongan golongan muda berumur 18 hingga 24 tahun yang mewakili 20.1 peratus (%) responden menyokong gagasan DMM. Kumpulan ini juga merupakan golongan yang masih belajar dan tiada pendapatan (20.9%) berkecenderungan menerima serta menyokong DMM. Walau bagaimanapun, bagi kakitangan di sektor awam, sejumlah 388 orang (33.8%) daripada 1,146 responden kurang menyokong DMM. Atas sebab itu, kerajaan perlu mendekati golongan muda agar memberi sokongan kepada Kerajaan Perpaduan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menilai penerimaan dan sokongan pelajar IPTA di kawasan utara Kedah terhadap Kerajaan Perpaduan kesan pelaksanaan DMM. Institusi yang dipilih melibatkan tiga buah institusi pendidikan awam iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) dan Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman (IPGDA). Secara khususnya, kajian ini dijalankan bertujuan:

- Mengkaji tahap pemahaman pelajar IPTA tentang inisiatif dan insentif menerusi DMM;
- Menilai tahap kepuasan pelajar IPTA terhadap inisiatif dan insentif yang disediakan menerusi DMM;
- Meneliti keperluan lain sebagai keutamaan kepada pelajar IPTA dalam kerangka DMM; dan
- Menganalisis kecenderungan sokongan pelajar IPTA kepada Kerajaan Perpaduan dalam PRU-16.

Borang soal selidik merupakan instrumen utama untuk mendapatkan maklumat daripada responden untuk mengukur pembolehubah kajian ini seperti diringkaskan dalam Rajah 4 di bawah. *Google Form* dibina berasaskan aneka pilihan menggunakan skala lima (5) Likert. Pautan *Google Form* dikongsikan kepada responden yang dipilih secara rawak mudah. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 28.0 yang dipersembahkan dalam nilai kekerapan dan peratusan.



Rajah 4: Kerangka Analisis Kajian

4.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Responden awal kajian seramai 597 orang yang merangkumi 71.4% perempuan dan 28.6 % lelaki (Jadual 1). Dari segi agama, majoriti responden beragama Islam (79.9%) diikuti beragama Buddha (13.9%), Hindu (4.4%) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 1: Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	171	28.6
Perempuan	426	71.4
Total	597	100.0

Jadual 2: Agama Responden

Agama	Kekerapan	Peratus
Islam	477	79.9
Kristian	10	1.7
Buddha	83	13.9
Hindu	26	4.4
Tiada agama	1	0.2
Total	597	100.0

Majoriti responden adalah berbangsa Melayu (79.1%) dan diikuti oleh Cina (13.9%) seperti ditunjukkan dalam Jadual 3. Sementara itu, dari segi institusi pendidikan, majoriti responden dari Universiti Utara Malaysia (UUM) (67.7%), Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman (IPGDA) (18.4%) dan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) (13.9%) seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 3: Etnik Responden

Bangsa	Kekerapan	Peratus
Melayu	472	79.1
Cina	83	13.9
India	30	5.0
Siam	6	1.0
Iban	1	0.2
Kadazan	1	0.2
Orang Asli	3	0.5
Lain-lain	1	0.2
Total	597	100.0

Jadual 4: Pusat Pengajian Responden

IPTA	Kekerapan	Peratus
UUM	404	67.7
POLIMAS	83	13.9
IPGDA	110	18.4
Total	597	100.0

4.1 Pengenalan Dasar Malaysia Madani

Dari segi pemahaman tentang konsep asas Malaysia MADANI berlandaskan ENAM (6) perkara: kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan (*sustainability, care & compassion, respect, innovation, prosperity and trust*), dapatan kajian seperti ditunjukkan dalam Jadual 5. Berkaitan kefahaman pelajar mengenai peranan Kerajaan Perpaduan meletakkan DMM sebagai kerangka penting untuk pembangunan negara, majoriti

iaitu masing-masing 44.7% dan 37.5% responden bersetuju dan sangat bersetuju mengenai perkara ini. Sementara itu, berkaitan agenda dasar pembangunan melalui DMM merupakan usaha Kerajaan Perpaduan memacu pertumbuhan ekonomi, keadilan dan nilai kemanusiaan, penilaian responden menunjukkan secara majoriti iaitu masing-masing 44.2% dan 37.5% bersetuju dan sangat bersetuju berkenaan usaha kerajaan menerusi pengenalan DMM itu. Lain-lain penilaian seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Pengenalan DMM

Perkara	Penilaian									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
DMM sebagai kerangka penting untuk pembangunan negara.	5	0.8	4	0.7	97	16.2	267	44.7	224	37.5
DMM merupakan usaha Kerajaan Perpaduan memacu pertumbuhan ekonomi, keadilan dan nilai kemanusiaan.	3	0.5	5	0.8	101	16.9	264	44.2	224	37.5
DMM diyakini boleh berjaya melalui enam (6) tonggak utama iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.	4	0.7	8	1.3	100	16.8	271	45.4	214	35.8
DMM membawa kesejahteraan kepada masyarakat dan negara.	3	0.5	11	1.8	99	16.6	257	43.0	227	38.0
Kesejahteraan hidup kepada seluruh rakyat merupakan visi utama DMM.	3	0.5	9	1.5	112	18.8	247	41.4	226	37.9
Tonggak daya cipta adalah agenda penting dalam pembangunan Malaysia MADANI.	3	0.5	8	1.3	104	17.4	257	43.0	225	37.7
DMM mampu mencapai matlamat untuk kukuh integrasi dan keharmonian masyarakat Malaysia.	3	0.5	11	1.8	95	15.9	256	42.9	232	38.9

4.2 Objektif Pelaksanaan DMM

Dalam proses pelaksanaan DMM, penilaian dari segi objektif pelaksanaan dasar ini diringkaskan seperti ditunjukkan dalam Jadual 6. Penilaian responden berkenaan matlamat DMM adalah relevan dengan kehidupan mahasiswa menunjukkan majoriti iaitu 44.6% dan 29.6% masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju dengan perkara ini. Dalam pada itu, kesan pelaksanaan DMM diyakini mampu membina masa hadapan mahasiswa yang lebih baik daripada keadaan sekarang, di mana penilaian responden turut menunjukkan kecenderungan

majoriti iaitu 45.6% dan 31.8% bersetuju dan sangat bersetuju berkaitan dengan pernyataan ini.

Jadual 6: Objektif Pelaksanaan DMM

Perkara	Penilaian									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Matlamat DMM adalah relevan dengan kehidupan mahasiswa.	3	0.5	17	2.8	134	22.4	266	44.6	177	29.6
Kesan pelaksanaan DMM diyakini mampu membina masa hadapan mahasiswa yang lebih baik daripada keadaan sekarang.	6	1.0	12	2.0	117	19.6	272	45.6	190	31.8
DMM mempunyai matlamat khusus bagi menjamin masa hadapan graduan.	4	0.7	17	2.8	128	21.4	256	42.9	192	32.2
DMM dipercayai dapat mencapai matlamatnya dalam jangka masa panjang bagi membina kesejahteraan hidup mahasiswa/graduan.	4	0.7	13	2.2	134	22.4	257	43.0	189	31.7
DMM memperkukuh sokongan terhadap hak dan kebajikan mahasiswa.	6	1.0	10	1.7	110	18.4	287	48.1	184	30.8
DMM memberikan penekanan yang lebih kepada pembangunan nilai moral dalam kalangan mahasiswa.	4	0.7	14	2.3	113	18.9	284	47.6	182	30.5

Seterusnya DMM dipercayai dapat mencapai matlamatnya dalam jangka masa panjang bagi membina kesejahteraan hidup mahasiswa/graduan. Berasaskan kepada kenyataan ini, penilaian responden memperihal 43.0% dan 31.7% adalah bersetuju dan sangat bersetuju tentang matlamat DMM itu. DMM juga dilihat mampu memperkukuh sokongan terhadap hak dan kebajikan mahasiswa, di mana dalam hal ini 48.1% dan 30.8% responden bersetuju dan sangat bersetuju mengenainya.

4.3 Penilaian Program Bantuan Menerusi DMM

Menu RAHMAH dipercayai membantu mengurangkan kos makanan harian pelajar di IPTA. Sehubungan dengan itu, majoriti responden menilai 35.2% dan 48.2% masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju bahawa inisiatif DMM menerusi Menu RAHMAH memastikan pelajar dapat makanan dengan harga yang berpatutan dalam kampus seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.

Baucar buku RM100 juga disediakan kepada pelajar IPTA bertujuan membantu mahasiswa bagi mendapatkan sumber bacaan ilmiah. Dalam perkara ini sebanyak 30.8% dan 53.8% responden bersetuju dan sangat bersetuju mengenai keperluan dan manfaat baucer buku

itu. Selain itu, bantuan e-Belia RM200 disalurkan melalui e-Wallet bertujuan mengurangkan beban kewangan pelajar. Berkenaan bantuan e-Belia ini, penilaian responden menunjukkan bahawa 29.3% dan 60.1% masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju akan kepentingan bantuan kewangan itu. Justeru, apabila ditanya agar baucar buku RM100 dan e-Belia RM200 perlu diteruskan dan ditambah baik pada masa hadapan, penilaian responden turut menunjukkan kecenderungan secara majoriti bersetuju (24.3%) dan sangat bersetuju (68.0%) mengenai usul ini.

Jadual 7: Kesan Pelaksanaa Program Bantuan DMM

Perkara	Penilaian									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Inisiatif DMM menerusi Menu RAHMAH memastikan mahasiswa dapat makanan dengan harga yang berpatutan.	6	1.0	14	2.3	79	13.2	210	35.2	288	48.2
Baucar buku RM100 amat membantu mahasiswa bagi mendapatkan sumber bacaan ilmiah.	7	1.2	19	3.2	66	11.1	184	30.8	321	53.8
Bantuan e-Belia RM200 disalurkan melalui e-Wallet dapat mengurangkan beban kewangan mahasiswa.	5	0.8	5	0.8	53	8.9	175	29.3	359	60.1
Baucar buku RM100 dan e-Belia RM200 perlu diteruskan dan ditambah baik pada masa hadapan.	2	0.3	2	0.3	42	7.0	145	24.3	406	68.0
Program berbentuk bantuan yang disediakan melalui DMM mampu mempengaruhi sokongan mahasiswa kepada Kerajaan Perpaduan.	1	0.2	7	1.2	79	13.2	211	35.3	299	50.1
Program seperti Menu RAHMAH, Cafe RAHMAH, baucar buku RM100 dan bantuan e-Belia RM200 mesti disemak semula dan ditambah baik bagi keperluan mahasiswa.	7	1.2	42	7.0	165	27.6	-	-	383	64.2

Untuk kesan jangka pendek, dipercayai pelbagai program dilaksanakan menerusi DMM khususnya dalam bentuk bantuan mampu mempengaruhi sokongan mahasiswa kepada Kerajaan Perpaduan. Berkaitan kenyataan ini, sebanyak 35.% bersetuju dan 50.1% sangat bersetuju mengenai kesan program bantuan yang diperkenal menerusi DMM boleh

mempengaruhi sokongan pelajar IPTA kepada Kerajaan Perpaduan. Atas sebab itu, ada cadangan supaya program seperti Menu RAHMAH, Cafe RAHMAH, baucar buku RM100 dan bantuan e-Belia RM200 mesti disemak semula dan ditambah baik bagi keperluan pelajar IPTA. Berkenaan cadangan ini, majoriti iaitu 64.2% responden sangat bersetuju dalam perkara ini.

4.4 Penilaian Kesan DMM Dari Orientasi Pelajar IPTA

Kajian yang telah dijalankan juga berusaha menilai kesan DMM kepada pelajar IPTA. Justeru, pelaksanaan DMM dan kesannya wajar dinilai dari orientasi pelajar itu sendiri seperti ditunjukkan dalam Jadual 8. Berkaitan dengan DMM itu relevan dengan keperluan mahasiswa di Malaysia pada waktu ini, 41.5% dan 40.9% masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju mengenai perkara ini. Ini bermakna dari orientasi pelajar IPTA secara jelas bahawa DMM itu memberi kesan ke atas kehidupan mereka. Sementara itu, penilaian terhadap program-program di bawah DMM, dapat kajian menunjukkan bahawa 43.4% dan 34.2% juga masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju semuanya berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Jadual 8: Kesan Pelaksanaan DMM

Perkara	Penilaian									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
DMM relevan dengan keperluan mahasiswa di Malaysia pada waktu ini.	4	0.7	7	1.2	94	15.7	248	41.5	244	40.9
Program-program di bawah DMM berjaya mencapai objektifnya.	5	0.8	15	2.5	114	19.1	259	43.4	204	34.2
Kesan daripada pelaksanaan DMM mampu meningkatkan kualiti hidup mahasiswa.	4	0.7	6	1.0	96	16.1	260	43.6	231	38.7
DMM berupaya mempromosikan perpaduan dan keharmonian kaum dalam kalangan mahasiswa.	3	0.5	7	1.2	101	16.9	252	42.2	234	39.2
Usaha kerajaan dalam melaksanakan DMM mampu menarik sokongan mahasiswa.	5	0.8	7	1.2	94	15.7	260	43.6	231	38.7

Kesan daripada pelaksanaan DMM mampu meningkatkan kualiti hidup mahasiswa. Berkaitan dengan pernyataan ini, 43.6% dan 38.7% responden masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju dalam berkenaan kesan DMM kepada kualiti hidup pelajar IPTA. Dalam pada itu, kesan lain DMM dipercayai mampu mempromosi perpaduan dan keharmonian kaum dalam kalangan mahasiswa. Justeru, penilaian responden menunjukkan 42.2% (bersetuju) dan 39.2 (sangat bersetuju) bahawa itu adalah antara kesan yang sangat diharapkan melalui pelaksanaan DMM. Sementara itu, apabila DMM mampu mencapai objektifnya dan meningkatkan kualiti hidup mahasiswa, kesan lain pelaksanaan DMM dipercayai mampu menarik sokongan mahasiswa. Dalam hal ini, sebanyak 43.6% dan 38.7% masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju bahawa pelaksanaan DMM dipercayai mampu menarik sokongan pelajar IPTA kepada Kerajaan Perpaduan dalam pilihan raya umum ke-16 kelak.

5.0 RUMUSAN

Pelaksanaan DMM yang menjurus kepada kepentingan kumpulan pelajar IPTA seperti di Kedah boleh memberi beberapa petunjuk penting dan kesannya kepada kedua-dua belah pihak iaitu pelajar dan Kerajaan Perpaduan. Sebenarnya dapatan awal kajian seperti dibincangkan di atas secara langsung berkaitan dengan pelaksanaan DMM yang dinilai dari orientasi pelajar IPTA boleh dirumuskan secara umum beberapa perkara.

Pertama, pelaksanaan DMM dengan betul dan komprehensif mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dipercayai berupaya meningkatkan kesedaran politik dan sosial dalam kalangan pelajar IPTA. Justeru, mesti ada beberapa inisiatif seperti dialog terbuka, forum intelektual dan penglibatan langsung pelajar IPTA dalam program kemasyarakatan mendorong mereka untuk lebih memahami dasar-dasar kerajaan, sekaligus membentuk sokongan yang lebih kukuh terhadap agenda Kerajaan Perpaduan menjelang PRU-16.

Kedua, pelaksanaan DMM juga menekankan tentang nilai dan sahsiah. Justeru, DMM diyakini dapat membentuk nilai-nilai kemanusiaan, keterangkuman, dan kesaksamaan dalam kalangan pelajar IPTA. Nilai-nilai ini selari dengan aspirasi generasi muda khususnya pelajar IPTA ke arah menghargai keadilan sosial dan peluang saksama. Ini menjadikan mereka lebih cenderung menyokong kerajaan yang menunjukkan komitmen kepada prinsip-prinsip tersebut. Atas sebab itu, Kerajaan Perpaduan harus membuat semakan dan memperbaiki setiap program dan aktiviti yang dijalankan dalam kerangka DMM. Hal ini demikian kerana Kerajaan Perpaduan telah menyediakan pelbagai inisiatif seperti bantuan kewangan, peluang latihan industri dan insentif keusahawanan dalam kerangka Malaysia Madani telah memberi manfaat langsung kepada mahasiswa. Kesan positif ini berpotensi meningkatkan kepercayaan mereka terhadap dasar Kerajaan Perpaduan. Selain itu, Kerajaan Perpaduan perlu menanamkan minat tinggi dalam kalangan pelajar IPTA terhadap konsep, falsafah dan agenda DMM ke arah membentuk kepimpinan berintegriti sebagai pemangkin menarik sokongan pelajar IPTA dalam pilihan raya umum ke-16 kelak.

Walau bagaimanapun, kajian ini terdapat beberapa limitasi iaitu hanya tertumpu kepada IPTA di negeri Kedah, menyebabkan hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua IPTA di Malaysia. Selain daripada itu, saiz sampel juga adalah terhad iaitu 597 responden. Jumlah ini mungkin tidak mencukupi untuk mewakili keseluruhan populasi pelajar IPTA, terutama dari segi latar belakang sosioekonomi, bidang pengajian, dan penglibatan politik.

Melihat kepada skop kajian semasa yang tertumpu kepada satu lokasi, kajian lanjutan pada masa akan datang wajar diperluas ke beberapa negeri lain. Sebagai contoh, perbandingan antara IPTA di negeri-negeri seperti Perak, Selangor, Johor, Terengganu dan Sarawak boleh dijalankan bagi menilai sejauh mana keberkesanan pelaksanaan DMM dalam konteks yang berbeza. Ini penting kerana faktor geografi, latar budaya serta peranan kerajaan negeri mungkin memainkan pengaruh yang besar terhadap penerimaan dan keberkesanan dasar ini. Melalui pendekatan ini, kita dapat mengenal pasti kekuatan dan cabaran pelaksanaan DMM secara lebih menyeluruh.

Selain itu, satu lagi ruang yang boleh diteroka ialah kesan DMM terhadap pelajar daripada pelbagai bidang pengajian. Kajian boleh dijalankan untuk melihat sama ada impak dasar ini berbeza antara pelajar dalam bidang sains sosial, sains tulen, kejuruteraan, perubatan dan lain-lain. Ini boleh membantu pihak berkaitan merangka pendekatan yang lebih sesuai dan berfokus mengikut keperluan serta minat pelajar dalam bidang masing-masing. Pendekatan yang lebih bersasar seperti ini berpotensi meningkatkan keberkesanan DMM dalam membentuk pelajar yang lebih peka dan terlibat dengan isu sosial dan dasar negara.

RUJUKAN

- Anderson, J.E. 2000. *Public Policy Making* (4th ed.). New York: Houghton Mifflin.
- Anwar Ibrahim. 2022. *Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.
- Cohen, J.L & Arato, A. 1994. *Civil Society and Political Theory*. Cambridge: MIT Press.
- Creswell, J.W. 2008. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Dye, T.R. 2011. *Understanding Public Policy* (13th edition). New Jersey: Prentice Hall.
- Fox, W. & Meyer, I.H. 1995. *Public and Development Management*. Bellville: University of Stellenbosch.
- Gladden, E.N. 1972. *A History of Public Administration*. London: Routledge (eBook Published 17 June 2019).
- M Hifzuddin Ikhsan. 2023. PKR perlu pertahan 5 kerusi tradisi di Kedah – Rafizi. *Berita Harian* (Januari 15).
- Jabatan Penerangan Malaysia. 2023. *Membangun Malaysia MADANI*. Diakses dari <https://pmr.penerangan.gov.my/?tag=malaysia-MADANI>. (30 Mei 2023)
- Kerlinger, F.N. 1970. A Social Attitude Scale: Evidence on Reliability and Validity. *Psychological Report*, 26(2): 379- 383.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 607-610.
- Lester, J.P. & Stewart Jr., J. 2000. *Public Policy: An Evolutionary Approach*. Belmont, CA: Wadsworth-Thomson Learning.
- Malike Brahim, Mokhtafizam Mokhtar, Marwan Ismail, Awanis Ku Ishak, Nur'Jila Mohammad, Musliza Mohamad & Ilyas Abdullah. 2023. *Penerimaan Pengundi Kedah Terhadap Dasar Malaysia MADANI*. Putrajaya: Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM), Jabatan Perdana Menteri.
- Malike Brahim. 2022. *Panduan Praktikal Memahami Teori, Proses dan Analisis Dasar Awam*. Jitra: MB Global Political Analysis & Academic Consultancy.
- Malike Brahim, et. al. 2022. Laporan Akhir Kajian Kesan Pelaksanaan Dasar dan Program Bantuan Kerajaan Kepada Masyarakat Nelayan di Malaysia. Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia.
- Malike Brahim, Mohamad Zaki Ahmad & Musliza Mohamad. 2018. Menilai Prioriti Tuntutan Rakyat Dari Perspektif Dasar Awam Dan Peranan Wakil Rakyat. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 45 (1). pp. 125-146.
- Malike Brahim. 2008. *Dasar Awam di Malaysia: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: IBS Buku Sdn. Bhd.
- McMillan, J. H., & Schumacher, S. (1984). *Research in education: A conceptual Introduction* (15th ed.). Boston: Little, Brown.
- Oxford University. 2019. *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. Diakses dari <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition> (20 Mei 2023).
- Pejabat Perdana Menteri. 2022. *Membangun Malaysia MADANI*. Diakses dari <https://www.pmo.gov.my/ms/membangun-malaysia-MADANI>. (30 Mei 2023).
- Sulaiman Masri. 2003. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan: Esei, Proposal dan Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. 2022. *Kawasan Pilihan Raya Negeri Kedah*. Diakses dari <http://ppn.spr.gov.my/kedah/>. (20 Mei 2023).
- Tauran. 2009. Politik Pembentukan Dasar: Kajian Kes Terhadap Proses Pembentukan Dasar Belanjawan Pendidikan Dalam Perubahan Perlembagaan Indonesia Tahun 1999-2002. Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia (Tidak diterbitkan).